

KWSP, Kwasa Land tandatangan Ikrar Integriti Korporat

KUALALUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan unitnya, Kwasa Land Sdn Bhd, menandatangani Ikrar Integriti Korporat dalam mendukung amalan urus niaga beretika.

Menurut KWSP dan Kwasa Land dalam satu kenyataan bersama hari ini, langkah itu penting untuk mewujudkan persekitaran perniagaan dan operasi yang telus serta patuh kepada piawaian tadbir urus global.

Pengerusi KWSP, Tan Sri Samsudin Osman, berkata penandatanganan dan pembacaan ikrar tersebut memperkukuhkan komitmen agensi itu dan Kwasa Land dalam mendukung integriti.

"KWSP memandang serius isu integriti kerana ia melibatkan kredibiliti agensi sebagai pemegang amanah simpanan persaraan kepada lebih 14 juta anggotanya dengan aset pelaburan keseluruhan bernilai RM667.21 bilion," katanya.

Sebelum ini, Kwasa Land, pemaju utama perbandaran Kwasa Damansara, telah melaksanakan program kesedaran dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mengukuhkan budaya integriti dalam kalangan kakitangannya.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Pencegahan), Datuk Seri Mustafar Ali, berkata ikrar berkenaan merupakan platform penting untuk syarikat menyumbang kepada usaha anti-rasuah di negara ini.

"Kami mengalu-alukan langkah KWSP dan Kwasa Land ini bagi memastikan operasi dan urus niaga mereka menepati prinsip-prinsip tertinggi integriti," menurut kenyataan itu. — Bernama